

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan alasan mengapa mengimport daging tidak ada persaingan sihat dengan hanya rumah penyembelihan tertentu daripada 7 negara sahaja dibenarkan, dari India 3 daripada 7 rumah penyembelihan adalah dimiliki oleh satu syarikat manakala dari Brazil 5 daripada 8 dimiliki oleh satu syarikat dan langkah-langkah untuk menangani keadaan ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Proses pemilihan loji penyembelihan luar negara dilaksanakan secara telus dan melalui pelbagai prosedur sebelum kelulusan diberikan. Proses kelulusan mengambil masa di antara enam (6) bulan hingga 24 bulan. Kelulusan hanya akan diberikan setelah melalui proses-proses seperti berikut: -

- i. pelaksanaan penilaian risiko berkaitan ancaman penyakit dari negara pengeksport;

SOALAN NO : 34

- ii. penyediaan protokol pengimportan dengan persetujuan negara yang akan mengeksport untuk mematuhi keperluan serta syarat-syarat yang ditetapkan oleh Malaysia;
- iii. penghantaran dokumen berkenaan dengan loji yang telah dicadangkan oleh negara pengeksport;
- iv. pelaksanaan audit kepatuhan dokumen ke atas loji yang telah dicadangkan; dan
- v. pelaksanaan audit ke atas loji yang dicadangkan oleh negara pengeksport. Bagi melihat kepada keperluan halal, audit akan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Manakala, bagi loji-loji di India pengauditan akan turut dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. Adalah benar bahawa setakat ini, di India terdapat tujuh (7) loji yang telah diluluskan dan sebanyak tiga (3) loji adalah dimiliki oleh syarikat yang sama. Manakala, di Brazil terdapat lapan (8) loji yang telah diluluskan dan sebanyak lima (5) loji adalah dimiliki oleh syarikat yang sama.

3. Loji-loji yang telah diluluskan tersebut adalah loji yang telah memenuhi keperluan standard yang telah ditetapkan. Manakala, loji yang tidak menepati standard tidak akan diluluskan dan ini telah menimbulkan persepsi bahawa hanya syarikat-syarikat yang tertentu sahaja yang diluluskan.

4. Secara keseluruhan, sebanyak 51 loji pemprosesan luar negara telah diluluskan, iaitu dari tujuh (7) negara pengeksport bagi membekalkan daging dan produk daging yang telah memenuhi standard sepertimana yang ditetapkan.

5. Pengimportan adalah terbuka kepada syarikat yang berkelayakan dan pengimportan hanya dibenarkan dari loji-loji yang telah diluluskan oleh Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan

SOALAN NO : 34

Veterinar dan melepasi keperluan Halal, *Hazard Analysis and Critical Control Points* (HACCP) dan *Good Manufacturing Practices* (GMP) akan diberi kelulusan dan dipamerkan di dalam laman sesawang DVS.

6. Bagi menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan pengimport dan seterusnya memenuhi jumlah keperluan daging rakyat Malaysia, Kementerian sedang dalam proses mempertimbangkan permohonan mengimportan produk daging dari negara-negara lain dari negara Argentina, Uruguay, South Afrika, Zimbabwe, Serbia, dan Mongolia.

Sekian, terima kasih.